

PENGETAHUAN, AMALAN DAN GAYA HIDUP PENGGUNAAN LESTARI DALAM KALANGAN REMAJA

Mumtazah Othman, Nurizan Yahaya dan Naimah Mohd Salleh
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Abstract

Sustainable consumption is the use of goods and services that satisfy basic needs and improve the quality of while minimising the use of irreplaceable natural resources and the byproducts of toxic materials, waste, and pollution. It is the umbrella term used for issues related to human needs, equity, quality of life, resource efficiency, waste minimisations, life cycle thinking, consumer health and safety, and consumer sovereignty. Thus, the awareness on the sustainable consumption practices is vital and should be nourished in each consumer especially among the younger generations. The objective of this study is to analyse the level of knowledge, practices and life style of sustainable consumption among adolescents, as well as factors that contribute toward their sustainable consumption lifestyle. A total of 1492 secondary school students were randomly selected from schools in Peninsular Malaysia. The schools were randomly selected to represent northern, southern, eastern and western zones of Peninsular Malaysia. The data were collected using self-administered questionnaire. Regression analysis showed seven predictor variables accounted for 17.1% of variance in the sustainable consumption lifestyle score ($F = 11.9, p \leq 0.001$). Sustainable consumption

practices, ($\beta = -0.109, p \leq 0.001$), academic achievement ($\beta = -0.058, p \leq 0.05$), and gender ($\beta = -0.013, p \leq 0.001$) were significantly related to sustainable consumption lifestyle but not father educational level, mother educational level of knowledge on sustainable consumption. In conclusion, sustainable consumption practices makes a better predictor for the sustainable consumption lifestyle among adolescents.

Pengenalan

Pada abad ke-21 ini di peringkat global isu alam sekitar banyak tertumpu kepada perkara yang boleh mengancam keharmonian, keindahan dan kesejahteraan hidup manusia. Menyedari akan seriusnya pencemaran alam sekitar inilah, wujudnya kesedaran baharu yang dikenali sebagai penggunaan lestari dan pembangunan lestari yang diharap dapat menyederhanakan gaya hidup pengguna.

Penggunaan lestari merujuk kepada "penggunaan barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan asas dan meningkatkan kualiti hidup manusia, dan pada masa yang sama meminimumkan penggunaan sumber asli, bahan-bahan toksik

dan penghasilan bahan buangan dan pencemaran bagi memastikan keperluan generasi akan datang tidak terjejas" (Ministry of the Environment Norway, 1994). Konsep ini melibatkan reformasi daripada aspek permintaan (*demand side*) yang memfokuskan kepada aktiviti pemilikan, penggunaan dan pembuangan barangan, dan bagaimana aktiviti tersebut dapat diubah untuk mencapai faedah sosial dan alam sekitar. Oleh itu, konsep khusus yang berkaitan termasuklah pengurangan kadar penggunaan (*downshifting*), guna semula dan kitar semula.

Gaya hidup lestari merupakan pola tindakan dan penggunaan, iaitu seseorang menggunakannya untuk mengaitkan dan membezakan dirinya daripada orang lain melalui pencapaian keperluan asas, peningkatan kualiti kehidupan, pengurangan penggunaan sumber asli dan pengelakkan pembuangan bahan buangan dan pencemaran alam dan tidak mengganggu penggunaan sumber alam untuk generasi masa hadapan. Penggunaan gaya hidup lestari menggambarkan budaya, ekonomi dan warisan sosial semula jadi bagi setiap masyarakat. Gaya hidup penggunaan yang tidak lestari akan memberi kesan langsung terhadap persekitaran dan seterusnya kesejahteraan hidup. Penggunaan sumber yang berlebihan akan menimbulkan masalah kemerosotan kualiti alam sekitar dan kualiti kehidupan.

Sejajar dengan kemusnahan yang telah berlaku ke atas alam sekitar, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Alam Sekitar pada bulan Oktober 2002 yang bertujuan meneruskan kemajuan ekonomi, sosial, budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi

kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Namun begitu, dasar ini sukar dilaksanakan sekiranya masyarakat belum lagi mengambil berat tentang penggunaan lestari. Hal ini kerana gaya hidup penggunaan lestari dilihat sebagai penyumbang nyata dalam pembangunan manusia apabila pengguna berupaya memperluaskan dan memperkayakan kehidupan mereka tanpa memberi kesan negatif yang merugikan terhadap kesejahteraan hidup.


Dalam usaha mewujudkan alam sekitar dan persekitaran yang bersih serta hijau, diperlukan kerjasama daripada pelbagai pihak. Oleh itu, kerjasama itu perlu lahir daripada amalan dan gaya hidup individu yang mesra alam. Selain itu, tahap pengetahuan perlulah dipertingkatkan untuk mengenal pasti kesan dan amalan penggunaan lestari ke terhadap kehidupan dengan lebih jelas.

Dalam usaha Malaysia ke arah mencapai status negara maju, tingkah laku penggunaan sumber dalam kalangan lapisan masyarakat masih menunjukkan tahap amalan yang tidak berhemah, terutamanya dalam kalangan golongan muda. Sikap pengguna terhadap penggunaan sumber masih boleh dipersoalkan. Sebagai pengguna, remaja perlu mempraktikkan penggunaan lestari untuk mendapatkan persekitaran yang bersih dan selamat. Oleh yang demikian, wujud beberapa persoalan tentang tingkah laku penggunaan lestari dalam kalangan rakyat setempat, terutamanya golongan remaja.

Penekanan terhadap penggunaan lestari perlu difokuskan kepada remaja kerana golongan inilah yang akan menjadi pengguna dewasa pada masa hadapan. Apa

yang jelas, golongan remaja mempunyai pengaruh yang kuat terhadap penggunaan dan perbelanjaan isi rumah. Golongan ini perlu dididik ke arah penggunaan yang lebih lestari untuk menjadi pengguna bijak pada masa hadapan. Amalan penggunaan sumber yang berhemah dapat menyumbang ke arah pencapaian salah satu matlamat Dasar Pengguna Negara, iaitu meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam kalangan semua lapisan pengguna demi kesejahteraan dan kebajikan generasi semasa dan akan datang.

Remaja perlu sedar bahawa penggunaan barangan yang tidak lestari akan memberi impak negatif terhadap persekitaran dan generasi akan datang. Oleh itu, mereka perlu terus dididik dengan nilai-nilai murni dari segi amalan penggunaan, termasuk amalan berjimat cermat, menyimpan, bersederhana, bertanggung jawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat sekeliling. Mereka juga perlu diberikan maklumat yang betul dan tepat agar boleh meningkatkan budaya penggunaan lestari dalam kehidupan demi menyokong ke arah kesejahteraan masa depan yang berkualiti. Remaja daripada setiap peringkat umur perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk membina sebuah masyarakat lestari.



Rajah 1: Kerangka Kerja Konseptual

Tinjauan Literatur

Gaya hidup bermaksud tingkah laku sosial, iaitu seseorang itu berbeza daripada orang lain. Perbezaan ini dizahirkan melalui kedudukan dalam sesuatu masyarakat dan aspirasi psikologikal. Memandangkan kedudukan seseorang ditunjukkan melalui pemilikan material, gaya hidup dikaitkan melalui elemen material dan sumber tersedia dalam sesuatu masyarakat. Penggunaan merujuk kepada kekerapan seseorang dalam mengguna sesuatu barangan dan perkhidmatan di pasaran.

Penggunaan lestari pula berkaitan proses pembelian, penggunaan dan pelupusan produk, manakala gaya hidup lestari pula terdiri daripada aktiviti dan nilai, seperti interaksi dan pendidikan serta penggunaan material. Perlu difahami bahawa “penggunaan lestari” tidak bermaksud “mengurangkan penggunaan”, sebaliknya ia menekankan langkah penggunaan sumber yang lebih efisien, bermaklumat dan tidak keterlaluan. Hal ini lebih dirasakan, terutama bagi masyarakat miskin yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan penggunaan sumber dan perkhidmatan.

Penggunaan lestari berkait secara langsung dengan aspek pembangunan yang menyumbang kepada kesejahteraan kualiti kehidupan, seperti mengurangkan kemiskinan, pembangunan ekonomi, kesihatan dan keselamatan serta perlindungan alam sekitar. Justeru, penggunaan lestari bukanlah panduan untuk mengurangkan penggunaan, tetapi lebih kepada bagaimana untuk memenuhi keperluan pengguna dengan cara yang bijak. Dengan kata lain, ia menggalakkan pengguna untuk melindungi alam sekitar

dengan mengenal pasti barang yang sepatutnya dibeli dan tidak dibeli.

Penggunaan yang melebihi tahap minimum atau keperluan asas bukan sesuatu yang tidak baik memandangkan ia membantu mempermudah manusia menjalani penghidupannya. Walau bagaimanapun, penggunaan yang keterlaluan dan tidak terkawal akan menimbulkan banyak masalah, termasuklah masalah alam sekitar. Oleh itu, isu sebenar bukanlah penggunaan itu sendiri tetapi pola dan kesan (positif dan negatif) penggunaan terhadap alam sekitar.

Berdasarkan Schaefer dan Crane (2005), peranan utama dalam mencapai penggunaan lestari bergantung kepada pengguna individu. Gaya hidup diterjemahkan kepada kelakuan, seperti permintaan untuk barangan dan perkhidmatan bercirikan penggunaan lestari, pengagihan dan penghapusan proses barangan ini secara langsung membawa kesamaan kelakuan oleh pasaran yang memberi tindak balas terhadap permintaan dengan menyampaikan lebih banyak produk dan proses yang bercirikan lestari. Menurut Moisander (2000), pengguna berasa kurang perlu untuk lebih bertanggungjawab dalam melindungi alam sekitar dan kurang sanggup untuk menghadapi sedikit ketidakselesaan dalam usaha ke arah pemuliharaan kerana kurang insentif psikologi.

Tahap pengetahuan mengenai penggunaan lestari adalah penting. Seseorang yang mempunyai ilmu dalam penggunaan lestari akan mementingkan alam sekitar dan sentiasa memelihara dan memuliharaanya. Kajian oleh Laroche *et al.*, (2001) menunjukkan secara umumnya selain faktor nilai dan sikap pengguna, faktor pengetahuan juga mempengaruhi tahap

keprihatinan dan perlakuan pengguna terhadap alam sekitar. Tabara dan Giner (2004), menegaskan bahawa pengetahuan yang tinggi disertakan dengan nilai-nilai dan perspektif budaya merupakan inti pati utama yang lazimnya dapat mengajar individu menghargai alam semula jadi selain amalan kepenggunaan masyarakat moden.

Hasil kajian Gendall (1995), merumuskan faktor-faktor demografi mempengaruhi tingkat pengetahuan terhadap alam sekitar. Dalam kajian beliau ke atas enam buah negara Eropah, beliau mendapati lelaki lebih mempunyai pengetahuan berbanding dengan perempuan, orang muda lebih memiliki pengetahuan berbanding dengan golongan tua dan orang yang berpendidikan mempunyai tingkat kesedaran tentang alam sekitar yang lebih tinggi berbanding dengan golongan yang berpendidikan rendah. Amalan penggunaan lestari dapat dinilai daripada lima prinsip utama pengurusan sumber, iaitu pengurangan, guna semula, kitar semula, bertindak dan fikir dahulu. Kajian oleh Norhasmah, *et al.*, (2004), merumuskan secara umumnya kekerapan amalan penggunaan lestari responden adalah pada tahap sederhana.

Responden yang dikaji lebih kerap mengamalkan aktiviti guna semula, berbanding dengan aktiviti mengurangkan penggunaan sumber, mengitar semula dan berfikir dahulu sebelum bertindak. Menurut Connolly dan Prothero (2001) pula, amalan penggunaan lestari dapat dilihat berdasarkan kefahaman seseorang melalui perasaan dan pengalaman tentang bagaimana kesan terhadap alam sekitar itu wujud. De Young (1990) menyatakan terdapat pengguna yang bersikap positif terhadap penggunaan lestari, tetapi tidak mengamalkan apa-apa yang

diketahui. William *et al.* (2001) menegaskan walaupun, pengguna sedar akan kepentingan penggunaan lestari dan bersikap positif terhadap konsep ini, tetapi jika mereka tidak mengamalkannya untuk membantu kerajaan mencapai matlamat penggunaan lestari, tiada maknanya program kitar dan guna semula barangan terpakai ini diwartakan.

Menurut Millet (2002) bagi mencapai persekitaran lestari, tahap penggunaan sumber perlu dikurangkan antara 50% hingga ke 90%. Kesan penggunaan barangan terhadap alam sekitar perlu dipertimbangkan dengan melakukan perubahan terhadap jenis penggunaan, seperti penghasilan dan pembelian makanan organik. Kesejahteraan sosial menekankan kesamarataan dalam membentuk corak penggunaan di peringkat global dan kebangsaan dengan menghubungkan penggunaan lestari dengan konsep seperti keadilan sosial dan komuniti Consumer International (1998) mencadangkan agar reformasi penggunaan dilakukan. Dalam hal ini, isu yang relevan ialah penggunaan beretika, kepenggunaan perubahan gaya hidup yang menekankan kesederhanaan, pelaksanaan mesra alam dan pendidikan kepada pengguna tentang kesan penggunaan terhadap alam sekitar.

Metodologi

Bahagian ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Aspek yang diterangkan termasuk lokasi dan pensampelan, peralatan dan pengumpulan data serta penganalisan data.

Kajian dijalankan di sekolah menengah terpilih di kawasan bandar dan pinggir bandar yang mewakili empat zon di Semenanjung Malaysia (zon utara, timur

barat dan selatan), Sabah dan Sarawak. Pemilihan lokasi kajian dilakukan secara rawak mudah berlapis. Negeri yang terpilih mewakili setiap zon ialah Johor, Selangor, Pulau Pinang, dan Terengganu. Manakala lokasi sekolah terpilih mewakili setiap negeri mengikut zon masing-masing adalah di Seberang Perai (Pulau Pinang), Besut (Terengganu), Shah Alam (Selangor), Johor Bahru dan Kluang (Johor), Kota Kinabalu, dan Kucing. Pemilihan sekolah juga dilakukan secara rawak mudah berlapis.

Sampel kajian terdiri daripada pelajar tingkatan empat sekolah menengah yang dipilih secara rawak mudah berlapis. Pelajar terlibat mewakili kelas aliran sains dan sastera. Semua pelajar bagi kelas terpilih telah dijadikan sebagai responden kajian.

Peralatan kajian yang digunakan merupakan borang soal selidik yang mengandungi beberapa bahagian, iaitu latar belakang responden dan keluarga, pengetahuan, amalan berkaitan penggunaan lestari, dan gaya hidup responden. Bagi aspek pengetahuan, terdapat 17 pernyataan yang dikemukakan dalam bahagian ini dan responden diminta menjawab sama ada "Ya" atau "Tidak". Bahagian amalan melibatkan 12 soalan tentang tahap penglibatan responden dalam aktiviti menjaga alam sekitar serta mengaplikasikan lima prinsip pengurusan, iaitu elak pembaziran (*reduce*), mengguna semula (*reuse*), mengitar semula (*recycle*), menolak (*reject*), fikir dahulu (*rethink*). Amalan terhadap penggunaan lestari diukur dengan

menggunakan tiga skala jenis Likert, iaitu dari 1- "tidak pernah", 2- "kadang-kadang" dan 3- "selalu". Bagi mengukur aspek gaya hidup, enam pernyataan telah dikemukakan. Responden diminta menjawab sama ada "ya" atau "tidak" untuk setiap pernyataan yang disediakan.

Data dikumpul secara mengedarkan borang soal selidik dan diisi sendiri oleh responden di dalam kelas. Mereka diminta untuk memberikan penilaian terhadap kenyataan yang diberikan. Pengumpulan data telah dilakukan dalam tahun 2008 dan telah dianalisis menggunakan program SPSS. Hasil kajian dibentangkan secara deskriptif. Analisis Regresi Pelbagai digunakan untuk mengukur faktor yang mempengaruhi variasi dalam gaya hidup lestari.

Hasil Kajian

Latar belakang responden

Sebanyak 1492 orang pelajar sekolah menengah dari seluruh negara terlibat dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan maklumat latar belakang responden yang merangkumi 74.1% dari Semenanjung Malaysia dan selebihnya (25.9%) dari Sabah dan Sarawak. Mereka terdiri daripada 43.1% lelaki dan 55.1% perempuan. Umur responden kajian ini adalah antara 15 hingga 19 tahun, dengan purata umur 16 tahun. Dari segi etnik, kaum Melayu adalah paling ramai (68.9%), diikuti bangsa Cina (20.4%), India (5.4%) dan lain-lain (5.3%).

Jadual 1 : Maklumat Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	Peratus(%)
Jantina	
Lelaki	43.1
Perempuan	55.1
Kaum	
Melayu	68.9
Cina	20.4
India	5.4
Lain-lain	5.3
Zon	
Semenanjung Malaysia	74.1
Sabah dan Sarawak	25.9
Umur (tahun)	
15-16	84.9
>17	14.6
Kedudukan dalam keluarga	
Anak tunggal	2.8
Pertama	26.6
Kedua	21.8
Ketiga	14.6
Keempat	8.1
Bongsu	17.0
Purata saiz isi rumah (orang)	4
Prestasi akademik PMR	
Kurang memuaskan	5.3
Memuaskan	12.5
Baik	41.7
Cemerlang	40.5


Dari segi taburan bilangan adik-beradik, golongan terbesar merupakan anak sulung (26.6%), diikuti dengan anak kedua (21.8%) dan anak bongsu (17.0%). Saiz isi rumah dikira berdasarkan bilangan individu yang tinggal secara tetap di rumah. Didapati purata saiz isi rumah adalah sederhana, iaitu seramai empat orang. Apabila diteliti tahap pencapaian responden dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR),

didapati paling ramai responden berada dalam kategori tahap prestasi yang baik (41.7%) dan cemerlang (40.5%). Dari segi latar belakang tahap pendidikan bapa golongan teramai adalah yang menamatkan sekolah menengah (56.7%), diikuti dengan kelulusan universiti/kolej (23.7%) dan sekolah rendah (16.7%) (Rajah 2).

Jadual 2: Pengetahuan Berkaitan Penggunaan Lestari

Soalan/Jawapan	Peratus (%)
Pernahkah mendengar istilah penggunaan lestari/mapan	
Ya	25.1
Tidak	67.3
Sumber utama yang banyak memberi maklumat/pengetahuan tentang penggunaan lestari	
Pendidikan sekolah/khas	17.8
Ibu bapa	16.5
Televisyen/radio	25.9
Internet	17.4
Buku/majalah/surat khabar/risalah	29.8
Ceramah/seminar/pameran	21.2
Lain-lain	0.8
Adakah tong sampah kitar semula terdapat di kawasan ini?	
Di kawasan perumahan	24.3
Di kawasan sekolah	61.4
Di pusat membeli-belah	47.3

Rajah 2 : Tahap Pendidikan Ibu dan Bapa Responden



Pengetahuan Tentang Penggunaan Lestari

Responden telah ditanya sama ada mereka pernah mendengar atau tidak istilah penggunaan lestari. Hasil kajian dalam Jadual 2 mendapati majoriti responden (67.3%) menyatakan tidak pernah mendengar istilah penggunaan lestari dan selebihnya 25.1% menyatakan pernah mendengar istilah tersebut. Sumber utama yang banyak memberi maklumat dan pengetahuan tentang penggunaan lestari kepada responden ialah buku/majalah/surat khabar/risalah (29.8%), melalui televisyen/radio (25.9%), menghadiri ceramah/seminar/pameran (21.2%), pendidikan sekolah/khas (17.8%), ibu bapa (16.5%) dan lain-lain (0.8%). Responden juga ditanya tentang kemudahan dan aktiviti kitar semula di kawasan tempat tinggal mereka. Dari segi kemudahan, majoriti responden (61.4%) menyatakan bahawa tong sampah kitar semula terdapat di kawasan seperti di sekolah di pusat membeli-belah (47.3%) dan juga di kawasan perumahan mereka (24.3%).

Jadual 3: Taburan Responden mengikut Tahap Pengetahuan berkaitan Penggunaan Lestari

Pernyataan	Ya (%)	Tidak (%)
Penipisan lapisan ozon tidak merbahaya kerana bumi ini dipelihara oleh lapisan-lapisan atmosfera yang lain.	13.2	83.8
Racun dan bahan toksik yang meresap ke dalam tanah boleh memberi kesan terhadap tumbuhan dan haiwan.	89.6	7.1
Menggunakan sapu tangan lebih baik daripada menggunakan kertas tisu.	84.8	12.7
Semua jenis sabun adalah selamat dan tidak mendatangkan kemudaratan terhadap alam sekitar.	36.5	63.5
Penebangan pokok boleh menyebabkan hakisan tanah berlaku.	91.5	5.8
Tumpuan penggunaan lestari adalah untuk mengurangkan kemusnahan alam semulajadi oleh manusia.	85.8	10.4
Menggunakan tadahan air hujan untuk membasuh kereta dan menyiram	85.6	11.6

Jadual 3 menunjukkan tahap pengetahuan responden berhubung istilah penggunaan lestari, isu semasa, peranan serta hak pengguna terhadap alam sekitar, arah aliran pembangunan, teknologi semasa dan komponen penggunaan lestari. Hasil kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik terhadap semua pernyataan yang dikemukakan, kecuali satu pernyataan. Hal ini dapat dilihat, apabila hanya satu sahaja pernyataan yang dijawab betul oleh sebanyak 63.5% responden, iaitu pernyataan “Semua jenis sabun adalah selamat dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar.” Dapatan ini memberi gambaran bahawa hampir satu per tiga responden (36.5%) tidak mengetahui bahawa penggunaan sabun sememangnya boleh mendatangkan kemudaratan terhadap alam sekitar. Hal ini kerana tidak semua jenis sabun yang mampu menunjukkan sifat mesra alam. Umumnya, kandungan kimia semasa proses pembuatan sabun mampu meninggalkan kesan negatif terhadap keseimbangan alam.

pokok bunga dapat mengurangkan penggunaan air paip di rumah.		
Penggunaan lestari merupakan penggunaan barangan dan perkhidmatan secara minimum untuk mencapai kesejahteraan hidup tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang.	79.3	14.8
Perubahan cuaca dunia adalah disebabkan oleh pemanasan global.	85.1	12.3
Biasanya plastik mudah reput.	24.1	73.0
Karbon monoksida dihasilkan oleh asap kenderaan.	86.1	10.0
Penggunaan lestari merupakan amalan mengguna semula, mengitar semula, bertanggungjawab dan bertindak.	86.4	9.6
Sumber dan bahan semula jadi seperti pokok dan minyak boleh digunakan sebanyak mungkin kerana bekalan bahan ini tidak akan habis.	19.6	77.3
Saki baki makanan dan air basuhan beras dapat diguna semula untuk dijadikan baja kompos untuk tanaman seperti sayur dan pokok bunga.	76.6	20.2
Amalan untuk mengasingkan bahan-bahan buangan mengikut tiga kumpulan (kertas, plastik dan kaca) merupakan amalan penggunaan lestari.	90.2	6.6
Menggunakan tenaga elektrik dengan cermat mampu menjimatkan penggunaan tenaga tersebut.	91.0	6.1
Mengitar semula kertas dapat mengurangkan penebangan pokok.	87.3	10.3

Empat pernyataan yang dijawab betul oleh hampir 90% responden ialah, pertama, “Penebangan pokok boleh menyebabkan hakisan tanah berlaku” (91.5%). Kedua, “Menggunakan tenaga elektrik dengan cermat mampu menjimatkan penggunaan tenaga tersebut” (91%), ketiga, “Racun dan bahan toksik yang meresap ke dalam tanah boleh memberi kesan terhadap tumbuhan dan haiwan”(89.6%), dan keempat “Amalan untuk mengasingkan bahan-bahan buangan mengikut tiga kumpulan (kertas, plastik dan kaca) merupakan amalan penggunaan lestari” (90.2%). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden memahami bahawa aktiviti manusia seperti pembalakan dan penggunaan racun perosak merupakan faktor penyumbang dalam masalah alam sekitar dan langkah menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan amalan kitar semula dapat membantu mengurangkan penggunaan sumber alam.

Amalan Penggunaan Lestari

Amalan penggunaan lestari dapat menyumbang ke arah kesejahteraan alam sekitar dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup. Hal ini jelas menunjukkan peranan yang perlu dimainkan oleh setiap individu bagi memastikan kesejahteraan hidup dan kualiti alam sekitar melalui penggunaan lestari dapat dicapai. Hasil kajian mendapati responden mempunyai tahap amalan penggunaan lestari yang sederhana. Hal ini dapat dilihat apabila lebih daripada separuh responden yang kadang-kadang melakukan 6 daripada 11 amalan penggunaan lestari yang disenaraikan (Jadual 4). Antaranya ialah mengurangkan pembelian barang-barang makanan dan minuman dalam tin (65.5%), mengurangkan pembelian barang-barang makanan dan minuman yang dibungkus di dalam kotak (64.5%), membaca buku atau majalah yang berkaitan alam sekitar (62%), mengumpul dan mengitar semula bahan terpakai seperti pakaian lama/botol/surat khabar (60.6%),

menonton rancangan televisyen seperti dokumentari yang berkaitan alam sekitar (56.3%), dan mendermakan barangan yang sudah tidak digunakan lagi kepada orang lain (53.9%).

Seterusnya hanya dua sahaja amalan yang “selalu” dilakukan lebih daripada 50% responden. Pertamanya ialah amalan memastikan suis lampu atau kipas dimatikan apabila tidak menggunakannya (84.6%). Langkah ini patut terus digalakkan memandangkan amalan ini boleh menjimatkan penggunaan sumber semula jadi. Kedua, amalan membeli barangan makanan yang dibungkus dengan plastik ataupun dengan polistirena (53.7%).

Jadual 4: Taburan Kekerapan Amalan Responden Terhadap Penggunaan Lestari

Kenyataan	Selalu (%)	Kadang-kadang (%)	Tidak pernah (%)
Mengumpul dan mengitar semula bahan terpakai seperti pakaian lama/botol/surat khabar.	28.3	60.6	9.7
Mendermakan barangan yang saya sudah tidak guna lagi kepada orang lain.	35.2	53.9	9.4
Menggunakan semula bekas terpakai seperti botol/plastik.	47.5	39.6	11.3
Membaca buku atau majalah yang berkaitan alam sekitar.	20.7	62.0	15.9
Membeli barangan makanan yang dibungkus dengan plastik ataupun dengan polistirena.	53.7	42.5	2.4
Menonton rancangan tv seperti dokumentari yang berkaitan dengan alam sekitar (<i>Discovery Channel</i>).	32.0	56.3	10.1
Pastikan suis lampu / kipas dimatikan apabila tidak menggunakannya.	84.6	10.6	3.3
Membiarkan paip terbuka semasa memberus gigi.	21.8	34.9	41.8
Mengurangkan pembelian barang-barang makanan dan minuman yang dibungkus di dalam kotak.	19.1	64.5	14.4
Mengurangkan pembelian barang-barang makanan dan minuman dalam tin.	18.1	65.5	14.6
Mengasingkan bahan-bahan buangan sebelum membuang bahan tersebut.	33.0	40.9	24.3

Amalan membeli makanan yang dibungkus dalam plastik atau polistirena sebaiknya dikurangkan memandangkan ia merupakan produk yang tidak boleh biodegradasi dan boleh berada dalam tapak pelupusan untuk jangka masa yang panjang.

Terdapat beberapa amalan yang “tidak pernah” dilakukan oleh sebilangan kecil responden. Salah satu daripada amalan yang sepatutnya dilakukan ialah mengasingkan bahan sebelum dibuang. Namun begitu, terdapat sebanyak 24.3% responden yang tidak pernah melakukannya. Justeru, usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan amalan penggunaan ini dalam kalangan remaja.

Gaya hidup lestari

Jadual 5 menunjukkan gaya hidup lestari remaja, iaitu tujuh kenyataan diajukan kepada responden. Majoriti responden mempunyai gaya hidup lestari yang agak baik, dan ia dapat ditunjukkan apabila responden menyatakan “ya” bagi kenyataan sampah dibuang di tempat yang betul (89.5%), menggunakan semula barang yang

sudah terpakai (66.3%) dan membeli barangan yang diperlukan sahaja (85%). Walau bagaimanapun, terdapat responden yang menyatakan bahawa mereka mengumpul barang cenderahati (79.2%), menggunakan beg plastik semasa membeli belah (52.5%) dan cenderung menyimpan barangan yang patut dibuang (51%). Amalan seperti ini, boleh mendorong responden ke arah gaya hidup yang kurang lestari.

Jadual 5: Taburan Responden mengikut Gaya Hidup Penggunaan Lestari

Pernyataan	Ya (%)	Tidak (%)
Saya suka menggunakan barangan berjenama mahal (beg, telefon bimbit, pakaian dan lain-lain).	31.9	66.8
Saya hanya membeli barangan yang saya perlukan sahaja.	85.0	13.7
Saya cenderung untuk menyimpan barangan yang sepatutnya saya buang.	51.0	46.7
Saya suka mengumpul barang dan cenderahati.	79.2	19.5
Saya akan memastikan sampah dibuang di tempat yang betul.	89.5	9.4
Setiap kali saya membeli barang di kedai, saya akan memastikan ia dimasukkan di dalam beg plastik walaupun barangan tersebut sedikit/kecil.	52.5	46.1
Saya akan menggunakan semula barang yang sudah terpakai.	66.3	32.2

Faktor yang mempengaruhi gaya hidup lestari

Analisis Regresi Pelbagai (*Stepwise*) digunakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada variasi dalam gaya hidup lestari responden. Bagi tujuan ini, satu model seperti yang telah dibentuk berikut:

$$Y = a + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \alpha$$

- Y = Gaya Hidup Lestari
- X1 = Amalan Lestari
- X2 = Pengetahuan Lestari
- X3 = Tahap Pendidikan Ibu
- X4 = Tahap pendidikan Bapa

- X5 = Kedudukan dalam Keluarga
- X6 = Gender
- X7 = Prestasi Akademik PMR

Analisis kajian mendapati terdapat hanya tiga angkubah yang menyumbang secara signifikan ($p \leq 0.001$) untuk menerangkan variasi dalam gaya hidup penggunaan lestari remaja iaitu amalan penggunaan lestari, prestasi akademik PMR dan gender (Jadual 6). Gabungan angkubah bebas ini menghasilkan R^2 bersamaan 0.172, yang menunjukkan bahawa sebanyak 17.1% variasi dalam gaya hidup penggunaan lestari responden ditentukan oleh ketiga-tiga angkubah tersebut. Angkubah amalan penggunaan lestari dan pencapaian

akademik PMR menunjukkan pengaruh yang negatif terhadap gaya hidup lestari. Hal ini memberi gambaran bahawa untuk mengubah kepada gaya hidup yang lebih lestari, diperlukan pengorbanan dari segi amalan dalam penggunaan sumber. Pengguna perlu mengurangkan amalan penggunaan yang tidak lestari dan

memperuntukkan masa untuk melakukan aktiviti yang menyumbang ke arah pencapaian gaya hidup lestari, serta tidak hanya menumpukan perhatian terhadap pelajaran sahaja. Justeru, ini merupakan satu pengorbanan yang terpaksa dilalui untuk cuba membudayakan kehidupan lestari.

Jadual 6: Hasil Ujian Regresi Pelbagai

Angkubah	Beta (β) Koefisien Gaya Hidup Lestari
Amalan Lestari	-.109**
Pengetahuan Lestari	-.020
Tahap Pendidikan Ibu	.018
Tahap Pendidikan Bapa	.005
Kedudukan dalam Keluarga	.008
Gender	.103**
Prestasi Akademik PMR	-.058*
R ²	0.167
F	11.919
Sig. F	0.000**

* $p \leq 0.05$, ** $p \leq 0.001$

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa secara umumnya keprihatinan dan perlakuan responden terhadap isu alam sekitar dan penggunaan lestari adalah tinggi. Responden didapati peka terhadap isu-isu pemanasan global, penipisan lapisan ozon, pemusnahan hutan dan mengetahui hak dan peranan mereka sebagai pengguna terhadap alam sekitar. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden mempunyai tahap amalan penggunaan lestari yang memuaskan. Masih banyak lagi amalan penggunaan yang perlu diperbaiki untuk mencapai gaya hidup yang

lebih lestari. Walaupun terdapat pelbagai teknologi canggih untuk pelupusan sisa pepejal yang wujud pada masa kini dan kerajaan sedang dalam proses meningkatkan penggunaan teknologi tersebut, namun usaha-usaha ini tidak akan mencukupi tanpa kerjasama daripada pengguna. Sebenarnya, di samping pelupusan sisa pepejal, pengguna juga perlu menumpukan perhatian kepada isu pengurangan sisa pepejal itu sendiri. Secara tidak langsung, ia dapat mengurangkan penggunaan sumber atau lebih berjimat cermat dalam pelbagai aspek kehidupan. Dengan itu, pembudayaan gaya hidup penggunaan lestari oleh segenap

lapisan masyarakat dapat memainkan peranan penting. Justeru, semua pihak perlu terus mempergiatkan usaha sama ada secara langsung atau tidak untuk mendidik masyarakat, khususnya remaja supaya menjadikan amalan penggunaan lestari sebagai budaya kehidupan masa kini dan akan datang.

Dapatan kajian memberi gambaran, sungguhpun banyak kempen serta usaha kerajaan dalam menangani isu penggunaan lestari, namun ia masih belum mencapai sepenuhnya matlamat seperti yang digariskan dalam Dasar Pengguna Negara (DPN). Pengetahuan yang tinggi tentang penggunaan lestari tidak bermakna amalan penggunaan tersebut dipraktikkan dengan baik. Oleh itu, penekanan tentang amalan lestari perlu difokuskan kepada remaja sekolah menengah kerana golongan ini merupakan unit penting dalam masyarakat. Pembudayaan penggunaan lestari di peringkat sekolah menengah merupakan inisiatif awal dan bersesuaian dengan pepatah Melayu yang menyebut “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pelajar perlu didedahkan dengan nilai-nilai murni dalam memulihara alam sekitar, termasuklah menerapkan sikap terhadap alam sekitar (*environmental attitudes*) yang mampu mempengaruhi dan mendorong tingkah laku mereka terhadap amalan penggunaan lestari. Individu yang bersikap positif terhadap alam sekitar akan mengaplikasikan sikap tersebut dalam kehidupan seharian.

Menjadi matlamat untuk menekankan pentingnya budaya kehidupan lestari dalam kalangan pelajar sekolah kerana mereka bukan sahaja akan membesar menjadi individu dewasa yang bertanggungjawab tetapi mereka boleh mempengaruhi orang

lain, khususnya ahli keluarga di rumah untuk turut menerapkan amalan gaya hidup ini, di samping bakal mewarisi teraju kepimpinan negara kelak. Gaya hidup dan paradigma golongan muda ini harus dibentuk terlebih dahulu. Setelah itu baharulah segala langkah saintifik dan pengurusan kawalan terhadap masalah alam sekitar memberi makna dan berjaya dilaksanakan kerana sebahagian besar golongan ini telah memahami dan berupaya menghargai kualiti alam sekitar.

Rujukan

- Autio, M. (2005). The Morality of Spending in Finnish Youth Consumer Culture. *International Journal of Consumer Studies*. 29: 332–341.
- Connolly, J., and Prothero, A. (2001). Sustainable Consumption: Consumption, Consumers and the commodity discourse. In *Proceedings of Macromarketing Conference XXVI*. Edited by Don Rahtz and Pierre McDonagh, 146-64. Rijeka, Croatia: University of Rijeka.
- Consumer International. (1998). A Discerning Middle Class? A Preliminary Enquiry of Sustainable Consumption Trends In Selected Countries in The Asia Pacific Region. Penang, Malaysia, Consumers International.
- De Young, R. (1990). Recycling as Appropriate Behavior: A Review of Survey Data From Selected Recycling Education Programs In Michigan. *Journal of Resources, Conservation and Recycling*. 3(1): 253-266.

Gendall, P. Smith, T.W and Russell, D. (1995). Knowledge of Scientific Environment Facts: A Comparison of Six Countries. *Marketing Bulletin*. 6: 65-74.

Karlsson, S., Srebotnjak, T., and Gonzales, P. (2007). Understanding the North-South Knowledge Divide and Its Implications for Policy: A Quantitative Analysis of The Generation of Scientific Knowledge in The Environmental Sciences. *Environmental Science & Policy*. 10: 1-17.

Laroche, M., Bergeron, J., and Barbaro-Forleo, G. (2001). Willing To Pay More for Environmentally Friendly Products. *Journal of Consumer Marketing*. 18 (6): 503-520.

Millet, M. (2002). CSIRO Warns of Drastic Curbs on the Good Life. *Sydney Morning Herald*(Australia). Retrieved July 2008 from <http://www.smh.com.au/articles/2002/11/03/1036308205867.html>.

Ministry of Environment Norway. (1994). Report of the Sustainable Consumption Symposium. Oslo: Ministry Of the Environment Norway.

Moisandar, J. (2000). Complexity and Multidimensionality of Ecological Responsible Consumer Behavior. Helsinki School of Economics and Business Administration. Retrieved from <http://www.lanc.ac.uk/user/scistud/esf/mois.html>.

Norhasmah, S, Aini, M.S., Laily, P., Sharifah, A.H., Nurizan, Y dan Naimah, S. (2004). Sikap dan Amalan Terhadap Keperihatinan Persekitaran. *Malaysian Journal of Consumer And Family Economic*. 7: 54-65.

Schaefer, A. and Crane, A. (2005). Addressing Sustainability and Consumption. *Journal of Macromarketing*. 25 (76): 76-92.

Tàbara, J. D. and S. Giner. (2004). Diversity, Civic Virtues and Ecological Austerity. *International Review of Sociology*. 14 (2): 262-283.